

16/08/2003

PM rasmi sidang PBS 8 September

KOTA KINABALU: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan Persidangan Delegasi Tahunan Parti Bersatu Sabah (PBS) ke-18 di Hongkod Koisaan, Penampang, pada 8 September ini.

Setiausaha Agung PBS, Datuk Radin Malleh, berkata kira-kira 5,000 pemimpin, ahli dan penyokong parti akan menghadiri persidangan berkenaan termasuk sayap kanan, Pemuda dan Wanita.

Katanya, turut hadir pemerhati yang terdiri daripada wakil parti komponen Barisan Nasional (BN) dari negeri ini, Sarawak dan Semenanjung.

Beliau berkata, sempena persidangan itu, PBS akan mengagihkan buku setebal 200 muka surat dan edisi khas majalah Suara Bersatu kepada delegasi terbabit, antaranya menyentuh perjuangan parti itu membela rakyat.

"Persidangan itu amat bermakna kerana peralihan jawatan Perdana Menteri akan berlaku pada Oktober. Kami amat menghargai sumbangan Dr Mahathir mengangkat martabat negara," katanya dalam kenyataan akhbar di sini, semalam.

Mengenai resolusi persidangan berkenaan, Radin berkata ia menyentuh pelbagai aspek termasuk politik, ekonomi dan pendidikan, yang akan dicadang dan disokong oleh perwakilan terbabit.